

# PERSEMBAHAN KITA ORANG SENI (KOS) DI LUAR JANGKAAN

- *SEMPENA HARI PENGGUNA PERINGKAT NEGERI PERLIS*

Oleh : Rosernifariza Ramlan dan Mashitoh Abu

Persembahan dari Kita Orang Seni yang terdiri daripada pelajar-pelajar UniMAP telah mendapat pujian daripada YAB Menteri Besar Perlis yang turut hadir pada majlis perasmian hari pengguna peringkat Negeri Perlis yang telah pada 4 Ogos 2008 di Dewan Warisan Negeri Perlis.

Karya asal dan idea adalah daripada En. Muhammad Nazri bin Mohd Khalid telah memberi satu idea kepada Cik Syarifah iaitu Pen. Pengarah Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengolah cerita asal kepada satu identiti penceritaan yang bertemakan Pengguna Bistari. Mahasiswa/i yang terlibat dengan teater tersebut adalah sebanyak 25 orang termasuk krew yang bertugas untuk menjayakan persembahan tersebut.

Teater ini telah diarahkan sendiri oleh Cik Syarifah dari Jabatan Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Perlis dan dibantu oleh beberapa kakitangan dari Jabatan Perdagangan Hal Ehwal pengguna Negeri Perlis serta kakitangan UniMAP sendiri dari segi penyediaan peralatan untuk membantu lakonan teater tersebut.

Jangka masa yang singkat dan rutin harian Mahasiswa/i UniMAP tidak menghalang Ahli Kita Orang Seni untuk mengadakan latihan bagi persediaan persembahan tersebut. Lakonan yang berkesan telah memberi kesedaran dan impak positif kepada penonton yang hadir pada majlis tersebut.

